



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

***ROBOTIC LEGO EDUCATION SPACE CHALLENGE* CATAT KEJAYAAN DALAM THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS SEMPERNA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2017**

PUTRAJAYA, 21 Februari 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Perasmian Pertandingan *Robotic Lego Education Space Challenge* Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2017 di sini.

Program ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang robotik dan menguji kebijaksanaan dan kreativiti pelajar demi kepentingan masa depan negara. Selain itu, ia juga dapat mengukuhkan integrasi dan perpaduan antara murid daripada pelbagai kaum, budaya dan agama khususnya di Wilayah Persekutuan. Penganjuran pertandingan ini juga merupakan salah satu strategi meningkatkan penyertaan pelajar menerusi Program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang dapat dijadikan sebagai landasan ke arah membina kemahiran berfikir secara kreatif serta menggalakkan pelajar untuk sentiasa memiliki daya cipta terhadap sesuatu.

Pertandingan *Robotic Lego Education Space Challenge* Peringkat Kebangsaan ini telah berjaya mencatat rekod dalam *The Malaysia Book of Records* dengan Penyertaan Terbanyak iaitu 198 pasukan dari 13 buah negeri dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1980 orang peserta. Sebanyak 130 pasukan dari sekolah menengah dan 68 pasukan

dari sekolah rendah dan jumlah pasukan yang tertinggi adalah dari Putrajaya iaitu sebanyak 56 pasukan diikuti oleh Melaka iaitu sebanyak 39 pasukan.

Program ini telah dilaksanakan secara kerjasama strategik antara Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan Persatuan Robotik Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Sasbadi Holdings Berhad, Universiti Kuala Lumpur dan Biro Pendidikan UMNO Putrajaya. KWP amat yakin dengan kerjasama erat daripada semua pihak ini akan dapat menyumbang kepada pertambahan jumlah pelajar yang meminati bidang robotik, sains dan teknologi.

Diharapkan pelaksanaan program seperti ini mampu meningkatkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan khusus pelajar-pelajar melalui pengisian aktiviti kreatif dan inovatif khususnya di Wilayah Persekutuan. Program yang dianjurkan sempena SHWP 2017 ini juga dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Putrajaya
21 Februari 2017